

**SATU ANALISIS TATABAHASA MANDARIN DALAM PENTERJEMAHAN
DI KALANGAN PELAJAR UITM JOHOR SEGAMAT:
KAJIAN TENTANG UNSUR KATA, FRASA DAN AYAT**



DISEDIAKAN OLEH :

**CHONG PENG HWA
LIM YOON CHONG
TOH LING LING**

SEPTEMBER 2010

PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi membolehkan penyelidikan ini disiapkan dengan sempurna dalam jangkamasa yang ditetapkan, Tanpa sokongan dan dukungan rakan-rakan sejawat dan penanggungjawab di Institusi Pengurusan Penyelidikan (RMI), mustahil projek ini dapat disudahkan dengan jayanya. Terutama sekali kepada Prof. Dr. Haji Muhd Kamil Bin Haji Ibrahim dan Puan Azizah Binti Aris.

Meskipun kami menghadapi halangan dan kesusahan dalam menyiapkan penyelidikan ini, namun usaha yang diharungi telah menjadi satu hasil yang dituai dengan penuh memberangsangkan kami semua terutama sebagai pensyarah yang bertanggungjawab memberi sumbangan atas penyelidikan. Kami berharap hasil penyelidikan dapat dikongsi bersama antara rakan-rakan, pelajar-pelajar dan komuniti masyarakat.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL	I
	SURAT TAWARAN PENYELIDIKAN	II
	SURAT PENYERAHAN LAPORAN	IV
	DAFTAR AHLI PENYELIDIKAN	V
	PENGHARGAAN	VI
	ISI KANDUNGAN	VII
	DAFTAR ILLUSTRASI	XI
	ABSTRAK	XII
1	PENGENALAN	1
	1.0 Pendahuluan	1
	1.1 Latarbelakang Masalah	2
	1.2 Pernyataan Masalah	3
	1.3 Objektif Masalah	4
	1.4 Kepentingan Kajian	5
	1.5 Batasan Kajian	6
2	SOROTAN KAJIAN	8
	2.0 Pengenalan	8
	2.1 Konsep Bahasa Antara	8
	2.1.1 Pemindahan Bahasa	9
	2.1.2 Pemindahan Latihan	10
	2.1.3 Strategi Pembelajaran	10
	2.1.4 Strategi Komunikasi	11

ABSTRAK

Kajian ini meneliti jenis-jenis kesilapan tatabahasa dalam penterjemahan bahasa Melayu kepada bahasa Mandarin di kalangan pelajar-pelajar Melayu. Subjek kajian ini ialah pelajar-pelajar Melayu semester keempat UiTM Johor yang mengambil Bahasa Mandarin II sebagai bahasa ketiga dalam kursus diploma pada semester Desimber 2008-April 2009.

Untuk meninjau perbezaan tatabahasa antara bahasa Mandarin dan bahasa Melayu, perbandingan struktur ayat antara bahasa akan dibuat. Ayat-ayat yang dikaji terbatas kepada ayat-ayat terjemahan dalam Kertas Ujian Bertulis Bahasa Mandarin II demi memperlihatkan kesilapan tatabahasa yang dilakukan oleh pelajar-pelajar dalam proses mempelajari bahasa Mandarin.

Dari hasil perbandingan struktur ayat bahasa Mandarin dan bahasa Melayu, jenis-jenis kesilapan tatabahasa yang dilakukan oleh para pelajar yang disebabkan oleh gangguan bahasa ibunda akan dikenalpasti dan dikaji. Di samping itu, punca-punca kesilapan selain daripada gangguan bahasa ibunda juga dapat dikenalpasti.

Dengan memastikan jenis-jenis kesilapan serta faktor-faktor yang mempengaruhinya, kajian ini juga akan mengemukakan beberapa langkah pemulihan untuk mengatasi masalah-masalah dalam proses penterjemahan bahasa Mandarin di kalangan pelajar Melayu di UiTM Johor khasnya dan di luar UiTM Johor amnya.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Dalam pembelajaran bahasa Mandarin, suatu bahasa yang baru bagi pelajar, mereka menggunakan pengetahuan ibunda untuk memahami ayat bahasa Mandarin. Ini telah melibatkan proses penterjemahan dalam pembelajaran bahasa Mandarin. Penterjemahan ialah perbuatan mentafsir makna sesuatu teks dan menerbitnya semula dalam bahasa yang lain. Tujuan penterjemahan adalah untuk menghasilkan satu teks sasaran yang membawa makna yang sama dengan sesuatu teks sumber. Penterjemahan merupakan satu aktiviti yang penting dalam pembelajaran bahasa Mandarin kerana ia menguji tahap penguasaan pelajar terhadap kefahaman bahasa Mandarin yang dipelajari.

Dalam proses terjemahan, pelajar perlu memahami perbezaan struktur binaan ayat antara iaitu bahasa Mandarin dan bahasa Melayu. Selain itu, prinsip-prinsip penterjemahan juga harus dipatuhi. Para pelajar perlu tidak mengubah makna teks sumber semasa terjemahan. Sesuatu terjemahan harus dapat difahami untuk tujuan komunikasi. Pelajar juga harus fokus dalam menterjemah makna bahasa dan bukan menterjemah bentuk bahasa sehingga menghasilkan terjemahan yang berbelit-belit dan sukar difahami.

Aktiviti penterjemahan merupakan aktiviti yang sukar bagi pelajar kerana pelajar bukan sahaja menghadapi masalah penguasaan kosa bahasa Mandarin yang terhad tetapi juga menghadapi masalah perbezaan sintaksis antara bahasa yang wujud. Proses terjemahan dimulakan dengan mengenal pasti makna kata-kata teks sumber yang sepadan dengan makna